

## → PENDIDIKAN



Kita tidak laksanakan program yang industri tidak mahu. Kita akan berjumpa pihak industri terlebih dahulu dan kita akan tanya mereka apa yang mereka mahukan”

**Mohamad Rozi Hassan,**  
Ketua Pegawai Eksekutif UAE

BERITA HARIAN (PENDIDIKAN)  
2 JUN 2016 ms 21

# UAE bantu pekerja industri lanjut pengajian

→ Tawar  
32 program  
pengajian  
secara  
eksekutif

Oleh Shahrinnahar  
Latib  
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

**U**MP Advance Education (UAE) membuka peluang kepada pekerja industri meningkatkan pencapaian akademik dengan menawarkan program pengajian secara eksekutif untuk 32 program dalam pelbagai bidang di peringkat diploma, ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana.

Program tidak memerlukan penuntut meninggalkan tugas hakiki masing-masing kerana pengajian dilaksanakan separuh masa di Universiti Malaysia Pahang (UMP) atau premis rakan kerjasama strategik UAE di seluruh negara kecuali Kedah dan Perlis.

Ketua Pegawai Eksekutif UAE, Mohamad Rozi Hassan, berkata penawaran itu berikutan tumpuan terhadap pendidikan vokasional menjadi keutamaan kerajaan dan permintaan industri semakin meningkat ke atas tenaga mahir.

“Kami mengambil inisiatif ini membantu kerajaan menghasilkan lebih banyak pekerja industri berkemahiran tinggi dengan mengikuti pelbagai program anjuran UAE,” katanya di UMP Gambang, semalam.

Bagi program pengajian secara eksekutif itu, UAE menyasarkan 30 peserta daripada pekerja industri.

### Jumpa pihak industri

Mohamad Rozi berkata, tahun ini, seramai 1,500 orang sedang mengikuti pengajian malah ada dihantar syarikat masing-masing.

“Majlis konvokesyen adalah sama majlis konvokesyen pelajar UMP, sijil diterima juga daripada UMP,” katanya.

Katanya, program yang ditawarkan dalam pengajian secara eksekutif ini adalah berdasarkan permintaan pihak industri.

“Kita tidak laksanakan program yang industri tidak mahu. Kita akan berjumpa pihak industri terlebih dahulu dan kita tanya mereka apa yang mereka mahukan.

“Kita mahu memastikan setiap program dilaksanakan dapat melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi sejajar hasrat kerajaan,” katanya.

Orang ramai yang berminat boleh melayari laman sesawang [www.ump-ae.com.my](http://www.ump-ae.com.my) atau [www.facebook.com/ump.advanceeducation](http://www.facebook.com/ump.advanceeducation)

Info

### UMP Advance Education

→ **UAE sebelum ini dikenali** Pusat Pengajian Berterusan dan Pembangunan Profesional (CENFED).  
→ **4,000 pelajar sudah** mengikuti pengajian secara eksekutif itu sejak tahun 2010  
→ **Sebanyak 32 program ditawarkan** kepada pekerja industri  
→ **Program itu** membabitkan 15 rakan kerjasama strategik  
→ **Tempoh pengajian ialah 12 bulan untuk** peringkat diploma, ijazah sarjana muda (18 bulan) dan ijazah sarjana (24 bulan)